

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SEBAGAI KONTRAKTOR PENYIAP:

Kontraktor hendaklah memenuhi syarat-syarat wajib berikut:

(a) Pendaftaran Kontraktor

- i. Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB);
 - Gred: Terbuka kepada G3, G4, G5, G6 dan G7
 - Kategori: Terbuka kepada semua Kategori
 - Pengkhususan: Terbuka Kepada Semua Jenis Pengkhususan
- ii. Mempunyai sijil-sijil seperti berikut (jika berkenaan);
 - Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)
 - Sijil Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA)
 - Sijil Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding, Negeri Sarawak (UPKJ)
- iii. Tempoh pendaftaran masih sah berkuatkuasa melebihi **TIGA (3) bulan dari tarikh tutup Pra-Kelayakan**

(b) SCORE CIDB

Mempunyai Sijil SCORE CIDB dengan minimum **3 Bintang** dan masih berkuatkuasa melebihi **TIGA (3) Bulan dari tarikh tutup Pra-Kelayakan**.

(c) Keupayaan Kontraktor

- i. **Kontraktor Gred G4 hingga G7** - Mempunyai *Nett Worth* melebihi 20% dari Nilai Tahunan Baki Kerja (NTBK).
- ii. **Kontraktor Gred G3** - Mempunyai *Nett Worth* melebihi 20% dari Nilai Tahunan Baki Kerja (NTBK) atau Modal Pusingan melebihi 10% dari NTBK atau Modal Mudah Cair melebihi 5% dari NTBK.
- iii. Kontraktor yang mempunyai pengalaman dengan Nilai Tahunan Keseluruhan Kerja Tertinggi (NTKK) melebihi 30% daripada Nilai Tahunan Bebanan Kerja (NTBK) bagi kategori yang dimohon.
- iv. Tidak mempunyai rekod prestasi kerja semasa yang sakit.
- v. Tidak mempunyai rekod prestasi kerja yang ditamatkan atau tidak memuaskan dalam tempoh lima (5) tahun yang lepas.

(d) Prestasi Kerja Kontraktor

- i. Tidak mempunyai aduan prestasi kerja yang lemah atau kurang memuaskan.
- ii. Tidak mempunyai projek sakit dengan mana-mana Agensi dalam tempoh lima (5) tahun terkini.

(e) Tindakan Undang-Undang/ Tatatertib/ Disenarai Hitam atau Dikenakan Tindakan Penamatan Kontrak

- i. Bebas daripada sebarang tindakan undang-undang seperti muflis, jenayah, sivil dan tatatertib daripada mana-mana badan kawal selia.
- ii. Tidak dikenakan tindakan penamatan kontrak akibat masalah kontraktor.

(f) Kriteria Lain

Lain-lain kriteria yang akan dinyatakan di dalam dokumen Pra-Kelayakan.